

Tiada tolak ansur bagi majalah caci negara Islam

JOHOR BAHRU: Kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan tindakan sebuah majalah terbitan tempatan yang memburukkan Malaysia dan negara lain, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, majalah *Muslim Media International* menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk mencaci negara Islam serta memburuk-burukkan imej pemimpin negara Islam lain.

Menjawab pertanyaan pemberita mengenai laporan berhubung penarikan balik permit majalah itu bulan lalu, beliau berkata tindakan majalah itu sama sekali tidak bertanggungjawab.

Dr Mahathir berkata,

majalah itu cuba membangkitkan isu perkataan Islam dalam nama parti Pas. Ini sama dengan Pas yang mentafsirkan tindakan atau cadangan Umno supaya menggugurkan perkataan Islam daripada nama parti itu kononnya untuk membuang Islam.

"Ini adalah satu hasutan yang tidak baik, walaupun majalah itu tahu ia bukan tujuan sebenar kita (Umno). Tetapi dia sengaja buat ini dan dulu majalah itu juga buat kecaman terhadap negara Islam lain.

"Orang jenis macam inilah yang menyebabkan negara-negara Islam tidak maju. Orang ini adalah anasir yang tidak patut diberi tempat dan tidak harus di-

beri hak menggunakan kemudahan demokrasi untuk memburukkan demokrasi," katanya.

"Selagi ada orang jenis macam ini, negara Islam tidak akan maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menerima bantahan daripada beberapa negara Islam mengenai rencana yang tersiar dalam majalah itu sejak diterbitkan dan perkara itu ditunjukkan kepada penerbitnya, tetapi tidak dihiraukan.

Menurutnya, beberapa negara Islam lain turut memberi amaran kepada penerbit majalah itu dan yang terbaru ialah Kerajaan Maldives kerana membuat pelbagai tuduhan terhadap negara berkenaan.